

B590

MAHATHIR - HARTA

1982

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) -- SEMUA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN YANG BARU DILANTIK DIKEHENDAKI MENGISTIHAR HARTA MASING-MASING, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGISTIHARAN HARTA JUGA WAJIB DILAKUKAN OLEH SEMUA EXCO NEGERI YANG BARU DILANTIK DALAM PILIHANRAYA UMUM BULAN LALU.

MEREKA YANG TELAH PUN MENGISTIHAR HARTA MASING-MASING TIDAK PERLU BERBUAT DEMIKIAN JIKA TARIKH PENGISTIHARAN BELUM GENAP SETAHUN.

+TETAPI SETELAH GENAP SETAHUN, MEREKA PERLU MEMBUAT PENGISTIHARAN BARU SELARAS DENGAN KEHENDAK KERAJAAN AGAR IA DILAKUKAN SEKALI SETAHUN,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBU PEJABAT PARTI DI SINI.

KATANYA PERKARA PENGISTIHARAN HARTA ITU ADALAH ANTARA PERKARA YANG AKAN DIKEMUKAKAN DALAM PERJUMPAAN BELIAU DENGAN SEMUA EXCO KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MINGGU DEPAN. -- BERSAMBUNG 1650/MK

B591

MAHATHIR - HARTA 2 KUALA LUMPUR

PERTEMUAN PERTAMA AKAN DIADAKASNIN INI DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA EXCO PERAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUJUAN PERJUMPAAN ITU IALAH UNTUK MENYELARASKAN DASAR-DASAR PERINGKAT PUSAT DAN NEGERI, MEMBINCANG MASALAH MENGADAKAN PERHUBUNGAN ANTARA NEGERI DAN PUSAT DAN JUGA MENJELASKAN BEBERAPA TINDAKAN YANG PERLU DIJALANKAN OLEH NEGERI-NEGERI. -- BERNAMA 1651/MK